

SIRI PERKEMBANGAN  
UNDANG-UNDANG  
DI MALAYSIA

# UNDANG-UNDANG KELUARGA (ISLAM)

JILID  
**14**

Najibah Mohd Zin *et al.*

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2007

Cetakan Pertama 2007  
© Najibah Mohd Zin *et al.* 2007

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Undang-undang keluarga (Islam) / Najibah Mohd Zin ... [*et al.*].

(Siri perkembangan undang-undang di Malaysia)

Mengandungi indeks

Bibliografi: hlm. 339

ISBN 978-983-62-9714-3 (set)

ISBN 978-983-62-9727-3 (jil. 14)

1. Domestic relations (Islamic law)--Malaysia. 2. Marriage (Islamic law)--  
Malaysia. I. Najibah Mohd Zin. II. Siri.

346.595015

Dicetak oleh  
Dawama Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawama  
Lot 1037, Jalan AU3/1  
54200 Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

# KANDUNGAN

<i>Sidang Editor</i>	vii
<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Prakata</i>	xiii
<i>Singkatan</i>	xxiii
<i>Senarai Kes</i>	xxv
<i>Senarai Statut</i>	xxxvii
<b>BAB 1 : Prosedur dan Pendaftaran Perkahwinan</b>	<b>1</b>
<i>Noraini Mohd Hashim</i>	
<b>BAB 2 : Penyeragaman Undang-Undang Poligami</b>	<b>40</b>
<i>Roslina Che Soh @ Yusoff</i>	
<b>BAB 3 : Sulh dan Hakam dalam Penyelesaian</b>	
<b>Kes Keluarga</b>	<b>66</b>
<i>Nora Abdul Hak</i>	
<b>BAB 4 : Perceraian dalam Undang-Undang</b>	
<b>Keluarga Islam</b>	<b>101</b>
<i>Najibah Mohd Zin</i>	

KANDUNGAN

<b>BAB 5 : Nafkah 'Iddah dan Mut'ah</b>	155
<i>Najibah Mohd Zin</i>	
<b>BAB 6 : Hadanah</b>	177
<i>Normi Abdul Malek</i>	
<b>BAB 7 : Masalah Tuntutan Harta Sepencarian</b>	216
<i>Norliah Ibrahim</i>	
<b>BAB 8 : Jaminan Nafkah Kanak-Kanak</b>	257
<i>Nora Abdul Hak</i>	
<b>BAB 9 : Pengangkatan dan Pemeliharaan Anak</b>	282
<i>Azizah Mohd</i>	
<b>BAB 10 : Penutup</b>	323
<i>Biodata Penulis</i>	333
<i>Bibliografi</i>	339
<i>Indeks</i>	351

# Bab 3

## SULH DAN HAKAM DALAM PENYELESAIAN KES KELUARGA

*Nora Abdul Hak*

### PENDAHULUAN

Dalam kehidupan seharian seseorang terpaksa berhubung dengan seorang yang lain. Kadangkala dia tidak dapat lari daripada perselisihan atau pertikaian sesama mereka sama ada perselisihan itu besar atau kecil. Perselisihan ini adakalanya dapat diselesaikan sesama sendiri dengan aman damai melalui cara *sulh* atau campur tangan pihak ketiga sebagai orang tengah, iaitu penimbang tara atau *hakam*. Jika masih juga tidak dapat menemui jalan penyelesaian, maka perlulah dibawa ke hadapan pengadilan mahkamah dan hakim yang telah dilantik akan membicarakan kes atau pertikaian tersebut.

Penyelesaian pertikaian secara perdamaian sama ada secara *sulh* atau *hakam* sangat digalakkan dalam Islam. Konsep penyelesaian kes secara tersebut dapat menghilangkan perasaan dendam pihak-pihak yang bertelagah dan akan dapat mengukuhkan tali persaudaraan antara mereka. Tambahan pula, jika hubungan tersebut melibatkan ahli-ahli keluarga yang hubungan antara mereka